


Buletin **JAWHAR**

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji



. PRAGMATIK . RESPONSIF . OBJEKTIF

Bil. 3/2007

ISSN 1985-2029

جابتني وقف
زكاة دان حج

"JAWHAR, Permata Yang Berkilauan"



Menarik Di Dalam

- Program Pembangunan Tanah Wakaf Oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) Di Bawah Rancangan Malaysia Ke 9 (RMK 9)
- Kaedah Kutipan Zakat Di Negeri-Negeri
- Seminar Pengurusan Kewangan Islam: Wang Faedah Dan Alternatif Pelupusan Wang Faedah Menurut Perspektif Islam
- 4,000 Bakal Haji Mengikuti Kursus Haji Perdana Peringkat Wilayah Persekutuan



Sidang Editor

Penasihat:

Dr. Sohaimi bin Hj. Mohd Salleh

Ketua Editor:

En. Ab. Rahim bin Zakaria

Editor:

En. Mohd Gunawan bin Che Ab. Aziz

En. Hasan Hafizi bin Hanapi

Cik Arifah binti Mohd Zahudi

Pembantu Editor:

Pn. Nikhat binti Niaz Ahmad

En. Mohamad Samsi bin Kamarudin

Cik Rohainun binti Rasdi

Grafik:

En. Mohd Radzi bin Mohammed Ismail

Jurutaip:

Cik Dahlia binti Ishak

Pn. Rohaizah binti Mohd Rojulan

Jurufoto:

En. Abdul Khalid Azamir bin Abdul Halim

En. Abdul Aziz bin Ahmad

Pentadbiran dan Edaran:

Pn. Nur Syaffina binti Ab Rahim

Hakcipta Terpelihara

© JAWHAR 2007

PENAFIAN :

JAWHAR tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penulisan dan artikel yang disiarkan dan ia juga tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Jabatan.



Kata-Kata Aluan Ketua Pengarang

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, dapatlah diterbitkan Buletin JAWHAR Bil.3/2007 ini. Bagi pihak Sidang Editorial, sukacita saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Pengurusan Tertinggi JAWHAR kerana sentiasa memberi galakan dan dorongan ke arah penerbitan siri Buletin JAWHAR ini.

Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) sentiasa mengambil pendekatan menyebar dan berkongsi ilmu dalam usaha mengembang serta meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap kepentingan institusi wakaf, zakat, mal dan haji selaras dengan usaha Kerajaan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatannya kepada orang awam. Perkhidmatan awam sebagaimana yang telah diakui merupakan sektor yang amat penting dalam sesebuah negara. Maju mundurnya sesebuah negara banyak bergantung kepada kecekapan perkhidmatan awamnya. Sejak negara mencapai kemerdekaan, perkhidmatan awam Malaysia telah berjaya menangani pelbagai cabaran dalam usaha untuk mencapai impian sebuah negara yang berdaulat, aman dan makmur. Isu globalisasi, penguasaan ekonomi negara dalam Production Economy di samping Knowledge Economy, perluasan konsep good governance dan harapan stakeholder dan pelanggan yang kian meningkat merupakan antara perubahan persekitaran yang telah membawa cabaran kepada negara dan perkhidmatan awam.

Justeru itu, bagi membentuk perkhidmatan awam yang terbaik dalam kalangan terbaik, agensi-agensi yang berada di dalamnya pula mestilah terdiri dari agensi yang berjaya menerapkan budaya untuk terus menerus menambah baik kualiti perkhidmatan yang diberikan. "The quality drive is not a one-off effort, but implicit in the organization's culture and business practices and processes".

Usaha bagi mewujudkan perkhidmatan awam yang terbilang bukan merupakan tugas mudah, bagaimanapun ia tidak mustahil untuk dicapai sekiranya setiap penjawat awam mempunyai tekad dan azam kuat untuk maju dan sentiasa gigih berusaha untuk menggapai keterbilangan tersebut.

والسلام

Ab. Rahim bin Zakaria

Pengarang

Bahagian Zakat



Dari Meja Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته


Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, inisiatif untuk menerbitkan Buletin JAWHAR Bil.3/2007 ini telah terlaksana. Selawat dan setinggi ucapan salam buat junjungan besar Saidina Rasulullah S.A.W.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mendoakan selamat maju jaya kepada seluruh warga kerja kerana penerbitan Buletin ini pada kali ini adalah berlatarbelakangkan penjenamaan semula Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji yang dulunya disebut dan ditulis sebagai JWZH telah berubah kepada nama yang lebih signifikan iaitu JAWHAR. Ia didasari satu perkataan yang berasal daripada Bahasa Arab yang membawa maksud permata yang berharga dan tinggi nilainya. Pemilihan perkataan JAWHAR sebagai nama Jabatan adalah amat bersesuaian kerana ia merupakan suatu impian bersama (shared vision) setiap warga kerjanya untuk berusaha bersungguh-sungguh menjana kegemilangan dan keterbilangan di persada dunia.

JAWHAR juga melambangkan usaha berterusan yang diambil untuk menjadi sebuah agensi terunggul serta merupakan kaedah yang tepat dan amat berharga seperitimana usaha untuk melahirkan sebutir permata yang amat bernilai. Manakala natijahnya pula merupakan hasil dari pelaksanaan usaha murni tersebut bagi mengukuhkan sosio-ekonomi ummah melalui pemantapan pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji. Selain dari pengertian di atas, JAWHAR juga melambangkan setiap warga kerja Jabatan yang komited untuk melaksanakan tanggungjawabnya, iaitu tidak lain tidak bukan, adalah kerana agama, bangsa dan negara.

Penjenamaan semula Jabatan ini adalah satu langkah yang tepat sebagaimana yang telah disarankan oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri mengenai penjenamaan bagi negara Malaysia seperti kata beliau, "We want worker excellence to be a brand for Malaysia. Just mention Malaysia and its workers, people will know, and what's important is they produce good work and of high quality". Penjenamaan Jabatan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan imej sektor awam ke arah perkhidmatan awam bertaraf dunia. Insya Allah.

Sekian. والسلام


Dr. Sohaimi Haji Mohd Salleh
Ketua Pengarah
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

PROGRAM PEMBANGUNAN TANAH WAKAF DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE 9 (RMK 9)

Oleh: Mohd Sabree bin Yaakub

Di bawah RMK 9, JAWHAR telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM250 juta untuk melaksanakan pembangunan wakaf di seluruh negara. Program Pembangunan Tanah Wakaf ini selaras dengan Teras Ketiga RMK 9 iaitu menangani masalah ketidaksamaan sosio ekonomi secara membina dan produktif, khususnya bagi mengurangkan jurang kekayaan. Wakaf akan dibangunkan sebagai sumber modal Bumiputera/Islam dengan mengambil pendekatan model korporat supaya potensi wakaf dapat direalisasikan sewajarnya.

Di peringkat awal perancangan RMK 9, JAWHAR telah menerima banyak cadangan pembangunan tanah wakaf dari Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seluruh negara yang berminat untuk memaju dan membangunkan wakaf di negeri masing-masing tetapi menghadapi masalah sumber kewangan yang terhad. Berdasarkan jumlah peruntukan yang telah diluluskan, JAWHAR telah meneliti dan mengkaji kesemua cadangan MAIN yang diterima mengikut keutamaan dan keperluan cadangan pembangunan tersebut. Hasilnya sebanyak 26 projek pembangunan wakaf telah dikenalpasti untuk dilaksanakan bagi tempoh 2006 hingga 2010. Projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan ini boleh dibahagikan kepada projek-projek fizikal dan juga projek-projek bukan fizikal.

Projek dikategorikan sebagai projek fizikal apabila pelaksanaan projek tersebut melibatkan pembinaan struktur bangunan di atas tanah wakaf yang dicadangkan oleh pihak MAIN. Projek-projek ini pula boleh dibahagikan kepada projek ekonomi dan projek sosial. Projek ekonomi adalah meliputi projek-projek yang boleh menjana pulangan kewangan untuk digunakan bagi pembangunan ummah. Tujuan utama pembangunan projek ekonomi ini adalah untuk membangunkan sosio-ekonomi umat Islam di dalam bidang pelajaran, keusahawanan, kesihatan, kualiti kehidupan, usaha-usaha dakwah dan membantu meringankan atau membebaskan umat Islam daripada pelbagai belenggu termasuk kemiskinan. Jenis-jenis projek ekonomi yang akan dilaksanakan oleh JAWHAR adalah pembinaan hotel, ruang niaga, rumah kedai, unit kediaman dan pejabat.

Projek-projek sosial pula adalah projek yang tidak mendatangkan pulangan kewangan tetapi

menyediakan perkhidmatan kebajikan yang boleh meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat Islam. Jenis-jenis projek ini adalah pembinaan pusat dialisis, rumah perlindungan wanita, rumah anak yatim, kompleks pendidikan, kompleks fakir miskin dan pusat bimbingan saudara baru.

Projek-projek bukan fizikal terdiri daripada projek-projek yang tidak melibatkan pembinaan struktur bangunan dan lebih kepada program pembangunan wakaf untuk memantapkan pentadbiran dan pengurusan wakaf termasuklah sumbangan modal bagi penubuhan entiti wakaf kebangsaan. Di antara program yang akan dilaksanakan adalah promosi wakaf melalui penerbitan dokumentari dan iklan berkaitan wakaf bagi memberikan maklumat dan meningkatkan kesedaran umat Islam mengenai wakaf. Pada masa ini kerja-kerja penggambaran dokumentari dan penyediaan iklan wakaf sedang rancak dijalankan dan dijangka siap sepenuhnya sebelum akhir tahun ini. Di samping itu, kajian mengenai keperluan sistem pengkomputeran wakaf juga sedang dilaksanakan bagi memperkemaskan urustadbir wakaf di MAIN.

Bagi memastikan pembangunan wakaf yang berterusan dan berkesan, satu entiti wakaf kebangsaan akan ditubuhkan sebelum akhir tahun 2007 untuk memacu konsep pembangunan wakaf berdaya maju dan beridentiti kebangsaan yang merentasi batasan sempadan kenegerian. Penubuhan entiti yang akan dikenali sebagai Yayasan Waqaf Malaysian (YWM) ini adalah untuk membentuk satu organisasi nasional bagi menyatu dan menggembung sumber-sumber wakaf agar dapat dijadikan sumber modal ekonomi berpotensi tinggi yang boleh dimanfaatkan oleh umat Islam. Dalam hal ini, YWM akan mendapatkan penglibatan MAIN sebagai Pemegang Amanah Tunggal Wakaf negeri, pihak swasta dan individu Islam yang berminat untuk memajukan wakaf di seluruh negara. YWM juga akan memainkan peranan untuk meningkatkan penglibatan umat Islam dalam bidang perdagangan dan perindustrian serta membantu meningkatkan taraf sosial umat Islam melalui pendidikan dan kesihatan.

Program Pembangunan Tanah Wakaf JAWHAR ini diharap akan menjadi langkah awal dalam merealisasikan potensi wakaf yang besar di negara ini untuk menjayakan pembangunan ummah yang mapan

dan memacu keterbilangan ekonomi umat Islam di Malaysia. Kaedah-kaedah wakaf seperti Istibdal, Saham Wakaf, Irsod dan Wakaf Saham perlu dikembangkan untuk memantapkan lagi pembangunan wakaf di Malaysia. Di samping itu, penglibatan badan-badan korporat amatlah dialu-alukan untuk memberikan rangsangan dan perspektif baru dalam pembangunan wakaf. Akhirnya, JAWHAR berharap agar amalan berwakaf akan menjadi satu budaya bagi masyarakat Islam di Malaysia dan pembangunan wakaf akan menjadi paksi kepada kekuatan ekonomi negara ini. InsyAllah.

MENDERMA UNTUK DIRI SENDIRI

Dari Abu Dzar katanya: "Aku berkata kepada rasulullah s.a.w.:Pekerjaan manakah yang paling utama?" Jawab Rasulullah s.a.w.:“Beriman kepada Allah dan berjihad di jalan Allah.” Aku bertanya lagi:“Membebaskan sahaya manakah yang paling utama?” Jawab baginda:“yang paling dikasih oleh tuannya dan yang termahal harganya.” Aku bertanya pula: “Jika saya tidak melakukan itu semua?” Jawab baginda:“Membimbang pembuat sesuatu sedangkan orang itu tidak berkeahlilan”. Berkata Abu Dzar:“Ya Rasulullah s.a.w, terangkanlah kepada saya bagaimana jika saya tidak kuasa melakukan sesuatu pekerjaan? Jawab baginda:“Jangan membuat bencana terhadap orang lain, kerana hal itu sebagai dermamu kepada dirimu sendiri.” - (Muslim)

SENARAI PROJEK FIZIKAL JAWHAR DI BAWAH RMK 9

BIL	NAMA PROJEK	2007	2008	2009
1	Pembinaan Kompleks Pendidikan Al-Mashoor di Atas Lot PT 146, Mukim G, Balik Pulau, Pulau Pinang	/		
2	Pembinaan Ruang Niaga dan Pusat Dialisis di Atas Lot PTD 29739, Batu Pahat, Johor	/		
3	Pembinaan Hotel Wakaf di Atas Lot 1829 & 262, Tanah Wakaf Masjid Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu	/		
4	Pembinaan Unit Kediaman Kos Sederhana Rendah di Atas Lot 30, Kg Makam (Wakaf Haji Kassim), Georgetown, Pulau Pinang		/	
5	Pembinaan Unit Kediaman Kos Sederhana Rendah di Atas Lot 1093 & 1094, Wakaf Masjid Sg. Nibong, Sg. Nibong, Pulau Pinang		/	
6	Pembinaan Ruang Niaga di Atas Lot 85 - 94, Mukim Ulu Kinta, Tambun, Perak		/	
7	Pembinaan Asrama Anak Yatim di Atas Lot 1241, Mukim Derga, Kota Setar, Kedah		/	
8	Pembinaan Hotel Wakaf Majlis Agama Islam Melaka di Atas Lot 2166 & 2167, Tg. Kling, Melaka Tengah, Melaka		/	
9	Pembinaan Hotel Wakaf dan Baitul Hilal di Atas Tanah Wakaf Lot 4506 & 2383, Teluk Kemang, Port Dickson, N. Sembilan		/	
10	Pembinaan Pusat Kegiatan Saudara Baru, Seremban, Negeri Sembilan		/	
11	Pembinaan Rumah Perlindungan Wanita di Tanah Wakaf Lot 2537, Johor Bahru, Johor		/	
12	Pembinaan Kompleks Fakir Miskin Segamat di Atas Lot 1928 & 1929, Segamat, Johor		/	
13	Pembinaan Kompleks Fakir Miskin Kg. Pengkalan Batu di Atas Lot PTD 6203, Daerah Mersing, Johor		/	
14	Pembinaan Ruang Industri Kecil di Atas Lot PTD 68486, Kluang, Johor		/	
15	Pembinaan Hotel Wakaf di Atas Tanah Lot 2436, 2450, 2451, 2452 & 2453, Daerah Larut & Matang, Taiping, Perak		/	
16	Pembinaan Rumah Kedai di Atas Lot 685, Mukim Utan Aji, Kangar, Perlis		/	
17	Pembinaan Kompleks Wakaf di Atas Lot PT 45531 Seksyen 9, Kajang, Hulu Langat, Selangor			/
18	Pembinaan Ruang Niaga dan Pusat Dialisis di Atas Lot PTB 3250, Tanah Wakaf Masjid Kota Tinggi, Johor			/
19	Pembinaan Kompleks Islam Kuching di Atas Lot 127, Seksyen 8, Kuching, Sarawak			/
20	Pembinaan Kedai Pejabat di Atas Lot 319, Mukim Kota Star, Alor Setar, Kedah			/
21	Pembinaan Rumah Anak-Anak Yatim Darul Puteri di Tanah Wakaf Jalan Raja Dewa, Telipot, Kota Bharu			/
22	Pembinaan Hotel Wakaf di Kota Bharu, Kelantan			/

SENARAI PROJEK BUKAN FIZIKAL JAWHAR DI BAWAH RMK 9

BIL	NAMA PROJEK	2007	2008	2009
1	Entiti Wakaf Kebangsaan - Sumbangan Modal	/		
2	Gerakan Pemantapan Baitulmal Kebangsaan	/		
3	Pembangunan Sistem e-Wakaf & Kajian Pewakafan		/	
4	Penyusunan Semula Masyarakat Di Atas Tanah Wakaf Kg. Makam		/	

KAEDAH KUTIPAN ZAKAT DI NEGERI-NEGERI

Oleh: Mohamad Samsi bin Kamarudin

Menurut sejarah, kutipan zakat dilakukan oleh amil yang dilantik oleh pemerintah. Di Malaysia, amil-amil dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dengan berpandukan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Syarat-syarat seorang amil adalah seorang fakih, muslim, mukallaf, merdeka, adil, amanah, mendengar, melihat, lelaki dan bukan dari keluarga Nabi S.A.W.

Masa berlalu, kaedah bertambah. Kini terdapat 6 kaedah kutipan zakat yang diamalkan di Malaysia. Walaupun begitu tidak semua kaedah menggunakan kutipan tersebut, ia bergantung kepada kemampuan teknologi MAIN dan faktor setempat.

a) Kaunter Zakat

Kutipan zakat melalui kaunter telah diamalkan sejak tertubuhnya MAIN. Sehingga kini, 119 buah kaunter kutipan zakat dibuka di seluruh negara. 3 negeri mempunyai bilangan kaunter kurang dari 5 buah iaitu Negeri Kedah (1), Negeri Perlis (1) dan Negeri Sabah (3). Manakala 4 buah negeri telah membuka 10 atau lebih buah kaunter iaitu Negeri Pahang (10), Negeri Sarawak (11), Negeri Perak (16) dan Negeri Selangor (22). Negeri-negeri lain mempunyai bilangan kaunter sekitar 6 buah ke 9 buah. Pada peringkat awal kaunter pungutan zakat hanya menerima transaksi tunai sahaja, tetapi pada masa ini pembayaran dengan menggunakan kad kredit telah mula diterima. Ketika ini hanya 4 negeri yang belum menerima pembayaran zakat dengan menggunakan kad kredit iaitu Negeri Johor, Negeri Perak, Negeri Perlis dan Negeri Sabah.

b) Agen

Selaras dengan kemajuan sistem teknologi dan pembangunan negara, infrastruktur penyampaian perkhidmatan kepada orang awam dipertingkatkan. Agen-agen pungutan telah dilantik dan ternyata cara ini telah menyumbang kepada peningkatan hasil zakat itu sendiri.

Terdapat dua kategori agen yang utama iaitu Pos dan Bank. Semua MAIN telah melantik Pos Malaysia Berhad menjadi agen dalam memungut zakat. Perlantikan ini membolehkan umat Islam membayar zakat di kaunter-kaunter pejabat pos dengan mengisi borang tertentu. Di samping memberi kemudahan kepada orang ramai, ia secara tidak langsung menjimatkan, kerana MAIN tidak perlu membuka kaunter di kawasan yang telah diwakili oleh Pos Malaysia.

Peranan yang dimainkan oleh Pos Malaysia Berhad telah dijadikan panduan oleh MAIN untuk melantik bank-bank sebagai agen memungut zakat. Ternyata institusi perbankan mampu memainkan peranan yang lebih besar dengan kemampuan teknologi sedia ada. Bank di Malaysia telah menawarkan 4 kaedah pembayaran zakat iaitu khidmat kaunter, ATM, internet dan *phonebanking*.

Khidmat kaunter merupakan kaedah pembayaran zakat yang konvensional di mana pembayaran dibuat di kaunter-kaunter bank. Pembayaran dengan menggunakan ATM pula telah ditawarkan oleh 3 buah bank iaitu Bank Islam, Bank Simpanan Nasional dan OCBC Bank. Kaedah pembayaran menggunakan ATM ini hanya diterima oleh 4 buah negeri iaitu Negeri Melaka Negeri Sembilan, Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Kaedah pembayaran kontemporari yang popular adalah dengan capaian internet. Setakat ini, hanya Negeri Sarawak yang belum menggunakan kaedah ini sebagai *medium* memungut zakat. Dengan kemudahan ini bayaran zakat boleh dibuat dengan hanya menekan kekunci komputer dari mana-mana lokasi, di bandar atau di luar bandar seluruh Malaysia. Antara Perkhidmatan terkini yang disediakan oleh bank selaku agen memungut zakat adalah *phone banking*. Kaedah ini telah diterima pakai oleh 6 buah negeri iaitu Negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Wilayah Persekutuan.

c) Potongan Gaji

Kaedah pemotongan gaji telah digunakan oleh semua MAIN sebagai *medium* memungut zakat. Bagaimanapun kaedah ini hanya boleh digunakan sekiranya mendapat persetujuan majikan tempat pembayar zakat bekerja. Kaedah potong gaji ini merupakan antara kaedah yang memudahkan pembayar zakat kerana zakat setahun boleh dibayar secara ansuran bulanan.

d) Sistem Pesanan Ringkas (SMS)

Kaedah ini masih belum meluas penggunaannya, sehingga hari ini, hanya 4 negeri yang menggunakan SMS sebagai salah satu kaedah memungut zakat iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Bagi menggunakan perkhidmatan ini, MAIN perlu mendaftar dengan syarikat yang menawarkan perkhidmatan tersebut. Syarikat tersebut akan mengenakan bayaran kepada MAIN bagi setiap transaksi yang dilakukan.

e) Kios/Mesin Deposit Cek

Zakat boleh juga dibayar dengan cek. Untuk kemudahan orang ramai, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan telah memperkenalkan kios atau mesin deposit cek bayaran zakat. Orang ramai boleh membuat bayaran zakat dengan memasukkan cek mereka ke dalam mesin yang disediakan bila-bila masa, tidak terhad kepada waktu bekerja sahaja.

f) Amil

Amil merupakan petugas yang bertanggungjawab memungut zakat. Selain daripada petugas-petugas MAIN, dua jenis amil lain iaitu amil korporat dan amil masjid turut dilantik. Hanya 6 negeri yang telah melantik amil korporat iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Pahang, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Amil korporat ini lebih dikenali sebagai Syarikat Memungut Zakat (SMZ). Amil masjid pula dilantik khas bagi memungut zakat fitrah dan bersifat sementara, iaitu sepanjang bulan Ramadhan sahaja.

Kaedah kutipan zakat ini pasti akan berkembang dan bertambah dari semasa ke semasa seiring dengan kemajuan ICT. MAIN yang mempelbagaikan kaedah kutipan ternyata mampu meningkatkan jumlah kutipan zakat tahunan mereka. Dengan wujudnya pelbagai kemudahan dan pilihan kaedah pembayaran, orang ramai boleh melaksanakan tanggungjawab menunaikan rukun Islam ketiga dengan mudah dan selesa. Adakah lagi alasan untuk tidak membayar zakat?

PERBINCANGAN MABIMS, 3 - 6 September 2007



LAWATAN PPIM KE JAWHAR, 4 September 2007



FORUM WANITA DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM, 7 September 2007



Aktiviti

LAWATAN Y.B. MENTERI KE JAWHAR, 21 Ogos 2007



Ketibaan Y.B. Menteri disambut Pengurusan Tertinggi JAWHAR.



Y.B. Menteri dipakaikan jaket korporat JAWHAR oleh Y.Bhg Ketua Pengarah.



Menandatangani buku pelawat.



Y.B. Menteri melancarkan dengan rasminya Jurnal Pengurusan JAWHAR.



Penyampaian cenderamata.



Pengurusan Tertinggi bergambar kenangan bersama Y.B. Menteri & pegawai-pegawai dari pejabat Y.B. Menteri.

MAJLIS APRESIASI 50 TAHUN MALAYSIAKU GEMILANG PERINGKAT AGENSI ISLAM, 30 Ogos 2007



INDUKSI DALAMAN JAWHAR, 11 September 2007



MAJLIS MENANDATANGANI MOU DI ANTARA JAWHAR & INSTITUT KAJIAN ZAKAT (IKAZ), 18 OGOS 2007



LAWATAN DELEGASI FILIPINA,
23 Ogos 2007



KURSUS PENGURUSAN TAUHIDIK,
24 - 26 September 2007



Seminar Pengurusan Kewangan Islam:

WANG FAEDAH DAN ALTERNATIF PELUPUSAN WANG FAEDAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Oleh : Norhazimah binti Che Hassan / Rohainun binti Rasdi

Buat julung kalinya Seminar Pengurusan Kewangan Islam telah dianjurkan oleh Jabatan Wakaf zakat dan Haji (JAWHAR) dan telah diadakan pada 30 Oktober 2007 bertempat di Auditorium Parcel E, Putrajaya. Ia bertujuan untuk memenuhi beberapa objektif iaitu pertama memberi pendedahan kepada masyarakat dan agensi-agensi tertentu mengenai keperluan menyalurkan wang faedah kepada Baitulmal. Objektif yang kedua ialah membantu menjana ekonomi umat Islam melalui dana bersumberkan wang faedah di Baitulmal. Seterusnya, objektif yang ketiga adalah mewujudkan keselarasan kutipan harta sumber am di Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN). Objektif yang keempat pula ialah untuk mengenalpasti kaedah-kaedah yang boleh divujudkan untuk digunakan bagi tujuan mengumpul wang faedah demi pembangunan ummah dan objektif yang terakhir adalah bagi memupuk rasa tanggungjawab umat Islam terhadap pengurusan harta terutamanya wang faedah berdasarkan hukum syarak.

Berdasarkan sumber yang diperolehi semasa kunjungan Bahagian Mal, JAWHAR ke MAIN dan maklumat bank data harta sumber am, didapati dalam tempoh tahun 2000 hingga 2006, pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menerima wang faedah terkumpul sejumlah RM520,854.06 yang diserahkan oleh individu dan bank-bank untuk diuruskan dengan cara yang terbaik menurut hukum syarak. Dalam tempoh tersebut juga, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pula masing-masing menerima wang faedah terkumpul sejumlah RM380,269.27 dan RM93,634.23. Jumlah penerimaan wang faedah mengikut tahun dan negeri adalah seperti di Jadual 1 di bawah:

Bil.	Tahun	JUMLAH TERIMAAN WANG FAEDAH (RM)		
		MAIWP	MAINJ	MAINPP
1.	2000	54,961.53	64,160.27	12,973.17
2.	2001	53,278.89	19,012.00	33,498.59
3.	2002	267,176.46	187,268.00	12,729.37
4.	2003	55,475.72	10,529.00	14,729.50
5.	2004	14,292.27	8,695.00	7,536.88
6.	2005	32,458.85	84,366.00	5,362.00
7.	2006	43,210.34	6,239.00	6,804.72
JUMLAH TERKUMPUL		RM 520,854.06	RM 380,269.27	RM 93,634.23

Justeru itu, melalui Seminar Pengurusan Kewangan Islam ini, JAWHAR berharap agar isu menyalurkan wang faedah kepada Baitulmal dapat diketengahkan agar pihak yang berkaitan khususnya orang perseorangan dan bank-bank yang terlibat secara langsung dengannya mendapat pendedahan dan penerangan yang jelas demi kemaslahatan ummah.

Menerusi seminar ini, JAWHAR telah berbesar hati menerima maklumbalas yang positif daripada MAIN, agensi-agensi, kementerian-kementerian dan institusi-institusi pengajian tinggi yang telah dijemput seawal bulan Ogos 2007 lagi. Sambutan yang menggalakkan ini mencetuskan idea kepada Y.Bhg. Dr. Sohaimi Haji Mohd. Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR di mana program seumpamanya boleh dijadikan sebagai permulaan bagi



Seminar dirasmikan oleh Y.M. Dato' Raja Hydar bin Raja Iskandar, Timbalan Ketua Setiausaha, Jabatan Perdana Menteri.

Siri "JAWHAR's Intellectual Discourse" yang diadakan khusus dengan menjemput para Ulul Albab yang pakar dalam bidang masing-masing khususnya bidang Pengurusan Harta Islam di Malaysia menerusi perkongsian ilmu dan pengalaman yang amat bernilai.

Seminar dimulakan dengan ucapan aluan Y.Bhg. Ketua Pengarah JAWHAR sebelum ucapan perasmian oleh Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) Y.M. Dato' Raja Hydar Bin Raja Iskandar. Acara kemuncak majlis bermula apabila moderator yang dijemput khas daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu Encik Ridzuan Bin Awang mempersilakan panel pertama Y.Bhg. Profesor Muhamad Bin Muda dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi membentangkan kertas kerja yang pertama bertajuk "Wang Faedah Menurut Perspektif Islam dan Alternatif Pelupusan Wang Faedah". Kertas kerja ini berkisarkan tentang sistem kewangan Islam, punca dan pengagihan dana menurut perspektif Islam, perspektif Islam terhadap wang faedah (bunga), pengurusan dana dari sumber haram serta isu dan penyelesaiannya.

Seterusnya, panel kedua iaitu Y.Bhg. Encik Naziree Bin Md Yusof dari Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Perbezaan Riba & Jual Beli: Suatu Analisis" yang membincarkan kedudukan untung dalam urusan jual beli dan riba kadang-kala disalahafsirkan oleh sesetengah pihak. Terdapat anggapan bahawa untung tersebut adalah sama kerana kedua-dua urus niaga itu mendapat pulangan lebih daripada modal asal. Sedangkan Islam menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Kertas kerja ini telah menghuraikan kekeliruan tersebut di samping membahaskan peranan masa dalam mempengaruhi pertambahan nilai berbanding urus niaga tunai dalam harga pasaran.

Seminar seumpama ini akan diteruskan pada masa hadapan dalam usaha JAWHAR untuk memperkasa tadbir urus terbaik pengurusan kewangan Islam untuk kemaslahatan ummah di peringkat global mahupun global, InsyAllah.

4,000 Bakal Haji Mengikuti Kursus Haji Perdana Peringkat Wilayah Persekutuan

Oleh: Sabarudin bin Hasan

Pada 27 - 28 Oktober 2007 yang lalu Lembaga Tabung Haji (LTH) telah mengadakan Kursus Haji Perdana di setiap negeri kepada bakal-bakal haji. Kursus ini adalah kursus bimbingan haji yang terakhir daripada kursus-kursus yang telah dijalankan sebelum ini. Para bakal jemaah haji telah diterangkan secara praktikal aktiviti haji seperti tawaf, sa'i, melontar jamrah supaya ibadat haji di Mekah nanti dapat dijalankan dengan sempurna rukun dan wajibnya.

Seramai 4,000 bakal jemaah haji Wilayah Persekutuan telah mengikuti Kursus Haji Perdana yang diadakan di Dataran Masjid Putra, Putrajaya. Sebanyak 10 Maktab disediakan supaya jemaah haji membiasakan diri seperti di Tanah Suci nanti. Mereka diberi panduan oleh fasilitator yang berpengalaman untuk mengerjakan haji yang betul dan tidak melakukan kesilapan.

Majlis Perasmian Kursus Haji Perdana peringkat Wilayah Persekutuan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Y.B. Dato' Abu Seman bin Yusuf di Masjid Putra, Putrajaya. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengurus Besar Kanan (Haji) LTH, Tuan Haji Mohd Salleh bin Mubin, Pengarah Jabatan Agama Wilayah Persekutuan merangkap Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Dato' Che

Mat bin Che Ali dan Pengarah Tabung Haji Wilayah Persekutuan.

Dalam ucapan perasmianya, Dato' Abu Seman mengucapkan syabas dan tahniah kepada Lembaga Tabung Haji kerana dapat menguruskan bakal jemaah haji untuk menunaikan ibadat haji di Mekah dengan pengurusan yang cekap dan sistematik. Banyak negara luar yang memperakui bahawa pengurusan Lembaga Tabung Haji adalah yang terbaik di dunia dan mereka datang untuk mempelajari pengurusan haji dari kita. Selain itu, beliau juga menasihati bakal jemaah haji supaya menjaga nama baik Negara kerana jemaah pergi bukan saja sebagai tetamu Allah tetapi juga sebagai duta Negara. Beliau juga mengambil kesempatan supaya jangan boros berbelanja semasa berada di Tanah Suci.

Terdahulu dalam ucapan aluannya, Tuan Hj. Mohd Salleh Mubin mengucapkan tahniah kepada 4,000 bakal jemaah haji dari Wilayah Persekutuan kerana terpilih dalam 26,000 jemaah haji seluruh Negara.

Kursus Haji Perdana selama dua hari ini telah berjalan dengan lancar dan teratur dalam cuaca yang baik.

Kewajiban Menunaikan Ibadat Haji

Daripada Abu Hurairah r.a. katanya, Rasulullah s.a.w. telah berkhutbah kepada kami semua serta bersabda. "Wahai manusia sesungguhnya Allah S.W.T. mewajibkan ke atas kamu ibadat haji. Maka hendaklah kamu semua mengerjakannya". Tiba-tiba seorang lelaki bertanya, "Adakah wajib ditunaikan setiap tahun, ya Rasulullah?". Baginda hanya berdiam diri sahaja, tidak menjawab pertanyaan lelaki itu, sehingga lelaki itu bertanya tiga kali, Rasulullah s.a.w. bersabda, "Jika aku menjawab ya, Ibadat haji akan menjadi wajib pada setiap tahun, tentu kamu semua tidak terdaya mengerjakannya." Seterusnya baginda bersabda, "Janganlah bertanya lagi kepadaku tentang perkara ini, apa sahaja yang aku tidak menyebutnya maka tinggalkan sahaja. Sesungguhnya orang yang sebelum kamu itu menjadi rosak disebabkan terlalu banyak mengemukakan pertanyaan mereka, kemudian mereka menyalahkan Nabi-Nabi mereka. Oleh yang demikian apabila aku memerintahkan kepada kamu semua dengan sesuatu perkara, lakukanlah dengan bersungguh-sungguh mengikut kemampuan kamu. Sebaliknya jika aku melarang kamu semua dari melakukan sesuatu perkara itu hendaklah kamu tinggalkan"

(Muslim)

Aktiviti

MAJLIS IFTAR RAMADHAN BERSAMA Y.B. MENTERI, 5 Oktober 2007



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA JPM, 24 Oktober 2007




MAJLIS JAMUAN RAYA AGENSI-AGENSI ISLAM, 2 November 2007



SELAYANG PANDANG







Manual Pengurusan Agihan Zakat

Buku Manual Pengurusan Agihan Zakat (MPAZ) ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada amil-amil dan pengurus-pengurus zakat yang diamanahkan untuk mengurus hal-ehwal agihan zakat. Buku ini juga boleh membantu dalam proses pengagihan zakat yang cekap dan berkesan. Selain itu, dalam buku ini juga menerangkan mengenai aspek-aspek hukum, prinsip, dasar dan matlamat pengagihan zakat yang ditetapkan oleh syarak. Terdapat lima bab dalam buku ini iaitu mengenai agihan zakat, asnaf, haddul kifayah, bantuan dan panduan am tentang agihan zakat.

Manual Pengurusan Perkhidmatan Umrah

Manual Pengurusan Perkhidmatan Umrah (MPPU) ini dihasilkan berdasarkan skop, justifikasi serta objektif yang telah dikenal pasti. Manual ini memaparkan garis panduan dan tatacara berkaitan dengan pengelola perkhidmatan umrah bagi membantu dan memudahkan pengelola umrah dalam menguruskan hal ehwal jemaah umrah Malaysia. Proses kerja dan senarai semak bagi setiap prosedur disediakan sebagai panduan kepada agensi pengelola umrah untuk menguruskan perkhidmatan umrah dengan teratur demi memuaskan hati pelanggan.






Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf

Buku Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf (MPPW) ini menyentuh aspek-aspek yang berkaitan dengan pengurusan harta wakaf. Terdapat pentakrifan wakaf dan peruntukan perundangan mengenai hal ehwal wakaf. Dasar Perakaunan Wakaf ini adalah diadaptasikan daripada Financial Reporting Standard (FRS) dengan penambahbaikan yang bersesuaian dengan prinsip-prinsip wakaf. Prinsip perakaunan wakaf yang diketengahkan dalam manual ini adalah; 1) Prinsip Pengiktirafan Hasil, 2) Prinsip Perakaunan Harta Wakaf, 3) Prinsip Perakaunan Liabiliti, 4) Prinsip Catatan Beregu, dan 5) Prinsip Perakaunan Istibdal. Manual ini juga memperkenalkan kaedah-kaedah tambahan yang disesuaikan dengan perundangan wakaf disamping kaedah-kaedah perakaunan sedia ada yang mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

Manual Pengurusan Harta Luqatah

Manual Pengurusan Harta Luqatah (MPHL) disediakan sebagai panduan dan rujukan bagi prosedur pengurusan harta luqatah selaras dengan matlamatnya sebagai pemegang amanah harta luqatah umat Islam di Malaysia. Ianya membantu penyediaan panduan kepada MAIN dan orang ramai berkaitan harta tidak bertuan yang dijumpai dan bagaimana ianya perlu diuruskan. Walaupun nilai harta yang ditemui kadangkala tidak begitu tinggi, tetapi jika dikumpulkan secara agregat, sistematis dan diurus dengan baik maka impaknya adalah amat besar dan akan dapat membantu sosio-ekonomi ummah. Kesedaran dan kefahaman yang jelas mengenai perkara ini akan membantu mempromosikan MAIN dalam membangunkan taraf ekonomi umat Islam melalui pengurusan harta luqatah yang mantap dan sistematik.





Sijil ini dianugerahkan kepada

JABATAN WAKAF ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)...

*yang telah muncul
JOHAN*

*di dalam Pertandingan Pejabat Terbaik (Kategori B)
sempena Majlis Sambutan Hari Kualiti Tahun 2007*

Jabatan Perdana Menteri

“PENINGKATAN KUALITI SISTEM PENYAMPAIAN”
HARI KUALITI

ML

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN
Ketua Setiausaha Negara

ISSN 1985-2029



9 771985 202000